

Pelajar UMS-KAL digesa tingkatkan kuasai BI

UM 15-02-2012 26



SHARIFF Abdul Kadir Omang (dua kanan) menyampaikan cenderamata kepada **Ahmad Hizzad Baharuddin** sambil diperhatikan **Awang Asri (kiri)** dan **Norazah Mohd. Suki (kanan)** di pejabat Pengarah UMS-KAL, Labuan, baru-baru ini.

LABUAN 14 Feb. - Pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) perlu meningkatkan prestasi di bidang akademik terutama penguasaan bahasa Inggeris (BI).

Pengarahnya, Prof. Dr. Shariff Abdul Kadir Omang berkata, kerjaya dalam institusi kewangan sangat kompetitif dan meliputi pengurusan perbankan dalam dan luar negara.

“Dalam usaha memperkenalkan program perbankan di UMS-KAL, kita mahu para pelajar menguasai kemahiran bahasa Inggeris dan IT secara serentak kerana ia merupakan syarat dan keutamaan dalam kerjaya perbankan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas

menerima kunjungan hormat Ketua Pengarah, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), Ahmad Hizzad Baharuddin di Bangunan Menara UMS-KAL, baru-baru ini.

Hadir sama, Pemangku Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof. Madya Dr. Norazah Mohd. Suki dan Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr. Awang Asri Awang Ibrahim.

Shariff berkata, dalam pertemuan itu, Labuan FSA dan UMS-KAL bersetuju bekerjasama menjalin hubungan berkaitan penyelidikan institusi kewangan dan pendidikan membabitkan pelajar dan kakitangan kedua-dua pihak.

Beliau menambah, Labuan FSA

juga bersedia membantu UMS-KAL menyediakan peluang pekerjaan kepada pelajar terutama yang berkaitan dengan Kewangan, Kewangan Islam dan Teknologi Maklumat.

Katanya, kedua-dua pihak akan melihat kepentingan Labuan FSA dalam program pembelajaran SPKAL dan SSIL terutama yang berkaitan kewangan dan teknologi maklumat.

Selain itu, beliau berkata, UMS-KAL juga bersedia membantu Labuan FSA dalam menyediakan kakitangan dan pelajar yang berkelayakan dalam industri kewangan perbankan untuk memperkukuhkan lagi kedudukan Labuan FSA sebagai institusi kewangan bertaraf antarabangsa.